

**POTENSI WAKAF TERHADAP PERTANIAN DI NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM : APLIKASI KAE DAH ISLAM**

**Faridah binti Haji Puteh**

Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
email: faridahhajiputeh@gmail.com

**ABSTRAK**

*Wakaf merupakan salah satu sumber yang sangat penting dalam pembangunan sosio-ekonomi sejak awal pemerintahan Islam lagi dan perlu dikembangkan dengan cara yang terbaik untuk kemaslahatan umat Islam sejagat. Peranan wakaf secara menyeluruh bukan hanya setakat kepada aspek keugamaan, malahan perlu menitikberatkan juga kepada pembangunan sosio-ekonomi terutamanya aspek pertanian. Sebagaimana wakaf dalam aspek pertanian telah wujud sejak dahulu lagi berdasarkan wakaf pertama yang dilakukan oleh sahabat Rasulullah SAW iaitu Umar bin al-Khattab telah mewakafkan tanah kebun kurma yang terletak di Khaibar. Sejak dari itu, perkembangan wakaf dalam bidang pertanian telah banyak diusahakan dari pelbagai negeri seperti Mesir, Turki, Singapura, Malaysia, Indonesia dan banyak lagi. Seiring dengan perkembangan arus globalisasi sekarang, aktiviti pertanian di Negara Brunei Darussalam menampakkan kegigihan untuk terus mengembangmajukan ekonomi negara berdasarkan matlamat Wawasan 2035 sebagai hasrat kemakmuran yang ingin dicapai pada masa hadapan. Dengan itu, kertas kerja ini adalah satu usaha bertujuan untuk membuka mata masyarakat dengan mengemukakan cadangan berkaitan pengendalian pertanian berdasarkan kaedah Islam melalui potensi wakaf. Kaedah pengumpulan data adalah berdasarkan kaedah perpustakaan melalui penelitian kepada artikel dan penyelidikan terdahulu. Harapan kajian adalah untuk membuka mata masyarakat tentang potensi wakaf dalam memajukan ekonomi khususnya pada aspek pertanian untuk membantu membangun negara dan membina kesejahteraan hidup masyarakat.*

**Kata Kunci:** Potensi, Wakaf, Pertanian, Kaedah Islam

## PENDAHULUAN

Wakaf merupakan konsep amalan kebaikan yang sangat dituntut oleh syarak yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu Wa Ta’ala*. Wakaf juga termasuk dalam amal kebaikan yang pahalanya tidak akan terputus, selama mana barang yang diwakafkan itu masih digunakan oleh orang yang memerlukannya dan dimanfaatkan oleh mereka. Dalam konteks Islam, suruhan melakukan wakaf tidak banyak disebut secara langsung di dalam al-Quran dan Hadith Nabi *Sallallahu ‘Alaihi Wassalam*, namun keistimewaannya telah panjang diperbahaskan oleh para ulama Islam sejak awal lagi.

Amalan wakaf sememangnya telah lama wujud dalam sejarah Islam sejak zaman Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* dan kebanyakan sahabat-sahabat baginda juga sering melakukan wakaf bagi mendapatkan keredhaan Allah *Subhanahu Wa Ta’ala*. Diantara sahabat-sahabat baginda yang termasyhur melakukan wakaf adalah Uthman bin ‘Affan yang mewakafkan Telaga Raumah<sup>1</sup>, Umar bin al-Khattab yang mewakafkan tanah kebun kurma di Khaibar<sup>2</sup>, Abu Talhah yang mewakafkan kebun kurma di Bairaha<sup>3</sup> dan banyak lagi. Para sahabat baginda berlumba-lumba membuat kebaikan dengan mewakafkan sesuatu yang mereka sayangi terutamanya tanah-tanah kebun kurma.

Perbuatan mewakafkan tanah kebun kurma dilihat sebagai suatu kemajuan dalam bentuk pertanian, sebagaimana perkembangan wakaf dalam bentuk pertanian telah menjadi perbuatan teras kepada pembangunan umat terdahulu sehingga sekarang. Wakaf terhadap pertanian telah banyak diusahakan dari pelbagai negeri seperti Turki, Mesir, Jordan, Sudan dan Arab Saudi.

Selain itu, negeri-negeri Islam di Asia Tenggara juga turut mengamalkan wakaf terhadap pertanian seperti di Semenanjung Malaysia telah memajukan sosio-ekonomi mereka berdasarkan pengusahaan projek Ladang Wakaf Kelapa Sawit di Johor dan Projek Wakaf Ladang Perkaya di Terengganu yang memberi pulangan sebanyak RM1.3 juta setahun (Asmak Ab. Rahman, 2009). Malahan satu projek terbaru akan diusahakan dengan membangunkan tanah wakaf terbiar dengan projek penanaman durian Musang King di Port Dickson Negeri Sembilan yang dipercayai mampu menjana keuntungan sosio-ekonomi Malaysia akan datang.<sup>4</sup> Kemantapan ekonomi negara hasil daripada wakaf pertanian juga dapat dilihat pada negeri Indonesia di antaranya Program Kebun Rumah Wakaf yang telah menanam pohon-pohon kelapa, lada hitam dan sebagainya yang mempunyai seluas sekitar 35.000 meter persegi<sup>5</sup>, begitu juga dengan Program Wakaf Produktif Dompet Dhuafa menggunakan dana wakaf untuk menanam buah naga dan buah nanas di Subang<sup>6</sup> dan sebagainya.

Begitu banyak kewujudan program wakaf pertanian di negeri-negeri Asia Tenggara termasuk Singapura, Thailand dan lain-lain yang telah membantu meningkatkan ekonomi negara masing-masing. Justeru itu, pengusahaan wakaf terhadap pertanian ini terbukti dapat menjana keuntungan umat Islam di samping meluaskan

<sup>1</sup> Riwayat Al-Tarmidzi. Hadith No.3703.

<sup>2</sup> Riwayat Muslim. Hadith No.1000.

<sup>3</sup> Riwayat Bukhari. Hadith No.2769.

<sup>4</sup> Berita Sinar Harian: Tanam Musing King Atas Tanah Wakaf yang bertarikh 26 Ogos 2019.

<sup>5</sup> Wakaf kebun produktif diusahakan melalui program wakaf tunai yang dikelola oleh lembaga yang berwajib yang bertujuan memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

<sup>6</sup> Berita Republika Online: Wakaf Produktif Pertanian Sejahterakan Petani Subang yang bertarikh 26 Oktober 2017.

lagi peluang pekerjaan dan sebagai sumber pendapatan yang utama kepada masyarakat serta meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi pada sesebuah negara.

Walau bagaimanapun, status pengamalan wakaf di Negara Brunei Darussalam pula hanya pada tujuan keugamaan sahaja seperti membina beberapa masjid wakaf dan wakaf tanah perkuburan dan kebanyakan masyarakat Brunei menyalurkan wakaf seperti wakaf sajadah, al-Quran, wakaf selipar untuk kegunaan di masjid dan seumpamanya (Rose Abdullah, 2014). Dengan kata lain, pengamalan wakaf di Negara Brunei Darussalam kurang menitikberatkan dari aspek kemajuan ekonomi masyarakat dan negara seperti wakaf dalam bentuk kesihatan, pendidikan, tempat tinggal kebajikan, pertanian dan lain-lain. Perkara tersebut dapat dilihat dalam jadual yang didapati melalui sumber data dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang telah didaftarkan.

### Jadual 1.0

#### Status Wakaf di Negara Brunei Darussalam

| <b>PERKARA</b>   | <b>JUMLAH</b>   |
|--|---|
| <b>Wakaf Wang Tunai (1989-2019)</b><br>-Pembinaan dan Penambahan Masjid<br>-Kepentingan Masjid<br>-Kebajikan Orang Islam | BND \$3 JUTA  |
| <b>Wakaf Khas Tanah Berdaftar (1962-2012)</b><br>-Tapak Masjid dan laluannya<br>-Kawasan Tanah Perkuburan dan laluannya  | 33 LOT<br>(46.25 EKAR)  |
| <b>Wakaf Am Tanah Berdaftar (1954-2018)</b><br>-Bangunan Kedai<br>-Flat<br>-Masjid                                       | 8 LOT<br>(10.8825 EKAR)   |
| <b>Wakaf Bangunan Masjid (1994-2018)</b>   | 9 BUAH  |
| <b>Wakaf Penghawa Dingin (1989-2005)</b>   | 198 UNIT  |
| <b>Wakaf Kereta Jenazah</b>  | 82 BUAH   |
| <b>Wakaf Peralatan</b><br>-Keperluan Masjid<br>-Keperluan Sekolah<br>-Kelengkapan Pengurusan Jenazah                     | Disalurkan kepada tempat/organisasi/golongan<br>yang telah ditentukan berdasarkan niat<br>pewakaf |

Sumber: Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), 2019

Sehubungan itu, aktiviti pertanian di Negara Brunei Darussalam pada masa kini menampakkan kegigihan untuk terus mengembangkan ekonomi negara selain bergantung sepenuhnya kepada hasil minyak dan gas. Sebagaimana aktiviti pertanian sangat penting untuk penyediaan makanan bagi masyarakat di samping menjana pendapatan kehidupan masing-masing. Selain itu, agenda keselamatan makanan bagi sesebuah negara juga penting jika suatu hari nanti berlaku kejadian rusuhan atau bencana alam. Sekiranya makanan tidak mencukupi

untuk keperluan masyarakat akan menyebabkan masyarakat tidak berdaya dan lemah sehingga terpaksa bergantung kepada pengimportan sumber makanan dari luar negeri. Kepentingan pertanian kepada negara dan masyarakat dapat meluaskan lagi peluang pekerjaan dan sebagai sumber pendapatan yang utama kepada masyarakat serta meningkatkan pendapatan negara dan dipercayai mampu memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan sosio-ekonomi pada sesebuah negara yang sedang membangun.

Oleh itu, setelah melihat kepada potensi wakaf pertanian yang telah diusahakan oleh beberapa negeri Islam, maka kajian ini dibuat untuk membuka mata masyarakat dengan memberi cadangan kebolehlaksanaan potensi wakaf terhadap pertanian berasaskan kaedah Islam sebagai usaha memajukan ekonomi masyarakat dan negara di Brunei Darussalam.

## SOROTAN LITERATUR

Perbahasan mengenai perlaksanaan wakaf telah banyak dijalankan dalam kajian yang lalu dan didapati kajian yang menyentuh tentang perkara wakaf pertanian kebanyakannya di negeri Malaysia, Indonesia dan sebagainya, namun kajian ini belum dibuat di Negara Brunei Darussalam. Justeru itu, dalam sorotan literatur ini penulis akan membahaskan beberapa kajian yang ada hubung kait dengan kajian ini mahupun karya di dalam dan di luar negeri.

Menurut Asmak Ab. Rahman (2009) dalam artikelnya Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia menyatakan bahawa wakaf dilihat berperanan dalam memajukan sektor pertanian iaitu kerajaan negeri Johor telah mewakafkan tanah seluas 3,900 ekar untuk projek ladang tanaman kelapa sawit di Mersing. Begitu juga di Terengganu, projek Skim Wakaf Ladang Perkaya dengan penanaman kelapa sawit dipercayai memberi pulangan sebanyak RM1.3 juta setahun. Manakala di Kedah pula, Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) telah melaksanakan wakaf sawah bendang<sup>7</sup> sebagai usaha membangunkan tanah wakaf dan hasilnya dapat dijual dan diekspot ke luar negeri di samping mengaut keuntungan dalam memajukan ekonomi negara.

Kemudian, dalam satu jurnal mengenai pembangunan tanah wakaf yang berpotensi dalam sektor pertanian negara ditulis oleh Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad dan Siti Zaleha (2017) menyatakan bahawa tanah-tanah terbiar yang luas beribu ekar dapat dibangunkan dan dimajukan dengan projek pertanian. Dengan itu, tanah-tanah tersebut memiliki potensi dan boleh diusahakan dengan pelbagai kaedah seperti sewaan dan usahasama dengan agensi tertentu.

Seterusnya, dalam artikel yang ditulis oleh Mohd. Hafiz, Wan Azmi, Mohd. Muzakkir & Norhasimah (2014) telah menyatakan bahawa wakaf boleh dijadikan sebagai penggerak kepada pembangunan ekonomi negara dan umat Islam sama ada dari sudut ekonomi pembangunan mahupun ekonomi pertanian. Justeru itu, kontrak *Musaqah* adalah satu alternatif yang diperlukan dalam membangunkan tanah wakaf terbiar untuk projek pertanian bagi menjana keuntungan serta menaikkan taraf sosio-ekonomi umat Islam terutamanya dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan dalam menjalani kehidupan.<sup>8</sup> Begitu juga menurut Jefri

<sup>7</sup> Akhbar Utusan Malaysia: Majukan Wakaf Pertanian dan Perniagaan yang bertarikh 03 Oktober 2016.

<sup>8</sup> *Musaqah* bermaksud usahasama menguruskan pertanian iaitu kaedah penyerahan tanaman kepada orang yang menjaga dan menguruskan tanaman dan diberi upah serta wang hasil jualan dikongsikan bersama.

(2016) bahawa dengan mewujudkan kaedah-kaedah Islam dalam pertanian melalui wakaf maka ianya dianggap sebagai salah satu usaha pemangkin dan penggerak perekonomian sesebuah negeri.

Artikel yang ditulis oleh Darwanto (2012) pula telah membincangkan tentang wakaf yang dianggap sebagai alternatif pendanaan penguatan ekonomi masyarakat di Indonesia menunjukkan potensi wakaf yang produktif mampu meningkatkan kesejahteraan umat yang berkelanjutan dan memberi manfaat serta dikembangkan dalam bentuk tanah pertanian, perkebunan, wang saham dan pelbagai lagi untuk menghasilkan keuntungan bagi meningkatkan ekonomi masyarakat di negeri tersebut.

Selain itu, dalam buku Wacana Pemangkin Ekonomi Ummah karya Dr. Abdul Nasir (2012) ada menerangkan mengenai wakaf dapat memberikan kesejahteraan sosio-ekonomi secara menyeluruh dengan pemberdayaan potensi wakaf dengan mewujudkan usaha-usaha seperti memperkemaskan pentadbiran harta wakaf, memantapkan prosedur mewakafkan tanah, melibatkan pembangunan tanah wakaf dalam perancangan pembangunan ekonomi masyarakat dan negara, membangunkan harta wakaf dengan inovasi istibdal wakaf dan menyedarkan masyarakat tentang pentingnya wakaf yang mempunyai potensi dalam membangun ekonomi yang berkelanjutan.

Demikian pula, menurut Nur Haziyah (2017) bahawa wakaf dilihat mempunyai potensi dalam meningkatkan ekonomi di Negara Brunei Darussalam kerana wakaf dianggap sebagai pamacu sosio-ekonomi dalam mendapatkan pendapatan hasil kerja, mengurangkan bebanan masyarakat, mendorong budaya keusahawanan dan sebagainya. Menurut beliau lagi bahawa mewakafkan tanah turut membantu meningkatkan sosio-ekonomi negara dari segi penubuhan wakaf kedai perniagaan dan mewujudkan industri pertanian kerana melaluinya dapat mengaut kekayaan dan menjana pekerjaan yang berbagai.

Daripada kesemua sorotan literatur tersebut, kertas kerja ini memfokuskan kepada potensi wakaf khusus terhadap pertanian di Negara Brunei Darussalam. Walaupun artikel-artikel dan kajian-kajian yang didapati kebanyakannya dari negara luar tetapi hal tersebut telah banyak membantu penulis untuk membuat cadangan sesuai dengan aplikasi kaedah Islam berkaitan dengan pengurusan wakaf tehadap pertanian.

## **OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN**

Pelaksanaan kajian ini adalah bertujuan untuk membuka mata masyarakat di Negara Brunei Darussalam dengan mengemukakan cadangan baru berkaitan dengan kebolehan atau potensi wakaf terhadap pertanian berasaskan kaedah Islam dalam memajukan ekonomi negara. Justeru itu, kaedah yang digunakan dalam mengumpulkan maklumat adalah berdasarkan kaedah perpustakaan iaitu meninjau karya-karya atau sorotan literatur yang sedia ada melalui penelitian kepada artikel-artikel dan kajian-kajian daripada penyelidik yang terdahulu, di samping merujuk kepada buku-buku ilmiah dan kertas-kertas kerja seminar yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dalam intipati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berhasrat bahawa dengan mewujudkan kaedah-kaedah praktikal yang bersesuaian dan dapat dikendalikan dengan lebih efektif khususnya

pada bidang pertanian mampu mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.<sup>9</sup> Justeru itu, kajian ini dibuat adalah untuk mengutarakan cadangan mengenai beberapa kaedah Islam yang sesuai dalam pertanian yang memiliki potensi wakaf sebagai suatu usaha menjana pendapatan masyarakat dan memajukan ekonomi negara.

Dalam kajian ini, penulis mengemukakan dua cadangan pengurusan wakaf terhadap pertanian yang berasaskan kaedah Islam sebagai suatu potensi dan usaha meningkatkan ekonomi masyarakat dan juga negara iaitu kaedah *Musaqah* dan kaedah *Sewaan*. Dengan itu, dapatan kajian ini dibahaskan seperti berikut:-

### **Aplikasi Kontrak Kaedah *Musaqah* dalam pertanian berunsurkan wakaf**

Perkataan *Musaqah* adalah usahasama dalam menguruskan pertanian iaitu merupakan satu kaedah Islam berupa kontrak penyerahan tanaman kepada orang yang menjaga tanaman dan diberi upah serta wang diagihkan bersama-sama berdasarkan hasil jualan tanaman mengikut kadar nisab perjanjian di antara dua pihak berkenaan.

Dalam artikel yang ditulis oleh Mohd. Hafiz, Wan Azmi, Mohd. Muzakkir & Norhasimah (2014) telah membahaskan tentang mengaplikasikan kontrak kaedah *Musaqah* untuk pembangunan tanah wakaf terbiar dalam menjana ekonomi pertanian di Malaysia. Ianya merupakan salah satu alternatif yang diperlukan dalam membangun tanah wakaf terbiar untuk projek pertanian yang boleh menjana keuntungan yang berpanjangan.

Berdasarkan perkara tersebut, maka penulis merasakan ianya bersesuaian untuk mengimplementasikan kontrak kaedah *Musaqah* dalam pertanian yang berunsurkan wakaf di Negara Brunei Darussalam kerana perkara tersebut secara langsung dapat membantu menjana kehidupan dan pendapatan penduduk dengan hasil jualan tanaman yang diusaha bersama dengan pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Di antara cadangan yang telah dikumpul dan ingin diutarakan penulis adalah seperti berikut:-

1. Pihak MUIB dicadangkan untuk membuka portal dalam mengumpul dan mengutip dana wakaf sama ada melalui media sosial atau secara hulur tangan bagi individu.
2. Pihak MUIB dicadangkan menyediakan tanah yang diwakafkan untuk bercucuk tanam.
3. Pihak MUIB dicadangkan menyediakan modal dari hasil kutipan dana wakaf untuk bercucuk tanam seperti pembelian benih, baja, racun, peralatan tanaman dan jentera pembajak.
4. Tanah wakaf tersebut diusahakan bersama golongan miskin yang terpilih oleh pihak MUIB bagi tujuan bercucuk tanam atau projek pertanian yang boleh menjana keuntungan yang berterusan.
5. Pemilihan golongan miskin yang dibuat oleh pihak MUIB hendaklah mempunyai fizikal sihat untuk melaksanakan projek pertanian tersebut dalam seluas 3 ekar tanah atau lebih.
6. Pengusaha akan menguruskan dan menjaga tanaman seperti menanam, menyiram, membaja, meracun dan seumpamanya sehingga hasilnya dapat dikutip dan dijual.


<sup>9</sup> Titah KDYMM sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1429H / 2008M anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

- Apabila keluar hasil tanaman lalu dijual, maka wang hasil jualan tersebut boleh dibahagikan kepada pihak MUIB dengan pengusaha berdasarkan nisbah dalam perjanjian yang dipersetujui. Pihak MUIB juga perlu membayar upah kepada pengusaha disebabkan kerja kontrak kaedah *Musaqah*.

Perjalanan pengurusan bagi cadangan tersebut dapat dilihat melalui rajah di bawah ini:

**Rajah 1.0**

**Kaedah Musaqah (Usahasama) Berunsurkan Wakaf**



Cadangan tersebut menunjukkan tentang potensi wakaf terhadap pertanian dengan melaksanakan kontrak kaedah *Musaqah* di mana golongan tidak berkemampuan dapat menjana pendapatan kehidupan yang lebih baik selain bergantung sepenuhnya kepada bantuan zakat dari pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan juga pihak-pihak yang berwajib.

Apabila kaedah tersebut dilaksanakan dengan keterlibatan kerjasama di antara dua pihak, ianya sangat membantu dalam meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat dan juga negara khususnya bagi Negara Brunei Darussalam. Dengan itu, penulis mencadangkan kaedah *Musaqah* ini dimasukkan dalam pengurusan wakaf di Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan pastinya memerlukan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan.

***Aplikasi Kaedah Sewaan dalam pertanian berunsurkan wakaf***

Adapun kaedah sewaan dalam Islam adalah diharuskan dan telah banyak diperbahaskan pada nas al-Quran, hadith dan ijma' ulama. Menurut pendapat ulama-ulama Islam bahawa kaedah sewaan merupakan satu kaedah pertukaran yang melibatkan manfaat dan bayaran tertentu secara pulangan balik dari penggunaan barang atau perkhidmatan yang dipersetujui antara kedua-dua pihak yang terlibat iaitu di antara pemilik dan penyewa (Wahbah Al-Zuhaili, 2011).

Kaedah sewaan telah diaplikasikan dalam konsep harta wakaf yang dilaksanakan di antara Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) dengan penyewa sama ada penyewa tersebut dari sebuah syarikat atau individu tertentu. Penggunaan kaedah tersebut telah nampak diusahakan terhadap pertanian iaitu sewaan sawah padi, sebagaimana dalam kajian yang dibuat oleh Azizan, Hydzulkifdi & Sollehudin (2016) menunjukkan bahawa pendapatan melalui sewaan sawah padi yang telah berjaya dipungut oleh Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) adalah sebanyak RM386,956 setahun. Kaedah sewaan sawah padi ini dilakukan secara akad sewaan harta wakaf untuk kegunaan pertanian dan tempoh akad tersebut memperuntukkan selama tiga tahun, malahan diberi peluang untuk memperbaharui akad tersebut apabila tamat tempohnya.


Berdasarkan kenyataan di atas, penulis ingin mengemukakan cadangan serupa demikian iaitu mewujudkan kaedah sewaan harta wakaf untuk kegunaan pertanian yang sesuai dijalankan di antara pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sebagai pemilik dengan syarikat-syarikat atau individu sebagai penyewa yang berkeinginan untuk melaksanakannya.

Kaedah sewaan harta wakaf untuk kegunaan pertanian ini dicadangkan agar dimasukkan menjadi salah satu dalam sistem pengurusan wakaf di Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Sebagaimana pengurusan harta wakaf perlu dijana ke arah yang lebih menguntungkan dan mendatangkan manfaat yang lebih baik dan berpanjangan.

Perjalanan kaedah tersebut dapat dilihat pada rajah di bawah ini:

**Rajah 1.1**

**Kaedah Sewaan Berunsurkan Wakaf**



Rajah di atas menunjukkan kaedah sewaan harta wakaf di antara pemilik dan penyewa iaitu di antara pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan pihak syarikat atau individu yang berhajat. Apabila sesebuah syarikat atau individu ingin melaksanakan aktiviti bercucuk tanam atau pertanian dalam jangka masa yang panjang sebagai permulaan kepada suatu perniagaan jualan buah-buahan dan sayur-sayuran, namun perbelanjaan tidak mencukupi, maka mereka boleh menyewa harta wakaf peralatan kegunaan pertanian yang ada di Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dengan diberi tempoh sewa selama tiga tahun dan diberi peluang untuk memperbaharui sewa tersebut.

Walau bagaimanapun, pulangan balik perlu ada dalam kaedah sewaan. Justeru, sebagai pulangan balik, penyewa perlu berkongsi wang hasil jualan tanaman bersama pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) mengikut kadar nisbah dalam perjanjian yang telah dipersetujui. Faedah daripada kaedah sewaan harta wakaf ini dapat membangun ekonomi di antara kedua-dua pihak sebagaimana perkara ini sesuai dengan memajukan sosio-ekonomi masyarakat dan juga negara dalam industri revolusi terkini.

### **Aspek Penawaran Harta Benda Wakaf Pertanian**

Wakaf merupakan satu institusi kewangan yang berfungsi ke arah mewujudkan sosio-ekonomi yang seimbang dalam masyarakat. Sejak dahulu lagi, kebanyakan masyarakat Brunei hanya melakukan wakaf untuk tujuan ibadah dan keugamaan sahaja seperti membina masjid, tanah perkuburan dan seumpamanya. Dalam kata erti yang lain, masyarakat Brunei tidak menitikberatkan melaksanakan wakaf untuk tujuan kemajuan ekonomi masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan pembaharuan dan perubahan di samping mengkaji halalutu pengurusan wakaf yang boleh meliputi perkembangan kepada sosio-ekonomi negara khususnya pada bidang pertanian.

Justeru, pihak pengurusan wakaf Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) perlulah mewujudkan aspek penawaran harta benda untuk diwakafkan khusus buat pertanian sama ada ianya berupa harta alih atau harta tak alih. Apabila pengurusan wakaf boleh ditadbir dengan cekap, maka pelaksanaan aktiviti wakaf dapat dijalankan secara produktif sehingga boleh menjurus kepada kemajuan pelbagai pembangunan sosio-ekonomi khasnya dalam bidang pertanian.

Di antara aspek penawaran tersebut ialah mewujudkan pengumpulan dana wakaf. Menurut Siti Zakiah dan Hairunnizam (2014) menyatakan bahawa pengumpulan dana boleh dilakukan melalui program-program kesedaran atau keugamaan dengan tujuan meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi yang dianjurkan oleh pihak berwajib. Berdasarkan pendapat Lubis dan Latifah (2019) pula pengumpulan dana wakaf ini juga boleh dilakukan melalui aplikasi media sosial iaitu pemindahan wang menggunakan perbankan yang telah diiktirafkan bersama di antara bank dengan pihak pengurusan wakaf atau menghantar mesej ke pihak yang berwajib dengan mengetik berapa jumlah yang ingin diwakafkan melalui gajet telefon bimbit.

Dengan itu, pihak-pihak yang berwajib di Negara Brunei Darussalam bolehlah melaksanakan program pengumpulan dana wakaf melalui aplikasi media sosial dengan adanya kerjasama pelbagai pihak bagi menjayakan program tersebut sehingga mendatangkan hasil kepada peningkatan kemajuan sosio-ekonomi masyarakat dan juga negara.

Perolehan daripada dana wakaf secara berterusan mampu memajukan pembangunan sosio-ekonomi negara terutama jika disalurkan pada bidang pertanian yang mana perkara tersebut sesuai dengan kajian ini. Dengan adanya dana wakaf, maka pertanian yang dilaksanakan berasaskan kaedah Islam yang berunsurkan wakaf mampu bertahan selama mungkin dan pihak-pihak yang terlibat akan mendapatkan manfaat daripadanya.

### **KESIMPULAN**

Kebanyakan wakaf yang terdapat di Negara Brunei Darussalam hanya untuk tujuan ibadat dan keugamaan sahaja. Walau bagaimanapun melihat kepada peningkatan pembangunan sosio-ekonomi di rantau Asia Tenggara yang telah melaksanakan wakaf pertanian dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah Islam dalam pertanian yang bersesuaian dengan unsur wakaf, maka ianya memiliki kebolehlaksanaan atau potensi wakaf terhadap pertanian sebagai usaha dalam memajukan ekonomi masyarakat dan negara khususnya di Negara Brunei Darussalam.

Beberapa kaedah Islam dalam pertanian yang berunsurkan wakaf telah dikenalpasti melalui pengumpulan hasil kerja yang dibuat oleh para penyelidik terdahulu, kemudian kaedah-kaedah tersebut diutarakan dalam kajian ini sebagai suatu cadangan bagi membuka mata masyarakat Brunei tentang potensi wakaf terhadap pertanian khususnya di Negara Brunei Darussalam demi memantapkan lagi pengurusan wakaf di samping meningkatkan ekonomi masyarakat dan juga negara.

Dengan wujudnya aspek penawaran harta benda wakaf mampu meningkatkan lagi kemajuan pembangunan ekonomi negara secara berterusan. Oleh itu, wakaf pertanian sangat penting bagi menjana pendapatan kehidupan dan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat di samping menjamin sumber bekalan makanan yang mencukupi dan dipercayai mampu memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan sosio-ekonomi negara ini.

## DAFTAR PUSAKA

- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Cetakan ke-2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Akhbar Utusan Malaysia: *Majukan Wakaf Pertanian dan Penternakan*. Bertarikh 03 Oktober 2016. Dimuat turun dari laman sesawang: [www.utusan.com.my/rencana/utama/majukan-wakaf-pertanian-penternakan-1.390003](http://www.utusan.com.my/rencana/utama/majukan-wakaf-pertanian-penternakan-1.390003) pada 19 Julai 2019.
- Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad dan Siti Zaleha. 2017. Pembangunan Tanah Wakaf: Potensi dan Sumbangan Dalam Sektor Pertanian Negara. *Jurnal Kemanusiaan, Bahasa, Budaya dan Perniagaan*. 1(2): 117-127.
- Asmak Ab. Rahman. 2009. Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1): 113-152.
- Azizan Abdul Rahman, Hydzulkifli Hashim Omar & Sollehudin Shuib. 2016. Kaedah Pengurusan Harta Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK): Pelaksanaan Pajakan Untuk 99 Tahun. *Jurnal IJMS*. 23(1): 73-89.
- Darwanto. 2012. Wakaf Sebagai Alternatif Pendanaan Penguatan Ekonomi Masyarakat Indonesia. *Jurnal Ilmu Manajemen dan Akauntansi Terapan*. 3(1): 1-14.
- Dr. Abdul Nasir. 2014. *Membangun Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Islam*. Cetakan pertama. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- Dr. Abdul Nasir. 2012. *Wacana Pemangkin Ekonomi Ummah*. Cetakan pertama. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press.

Dr. Hjh. Mas Nooraini Hj Mohiddin. 2017. Institusi Wakaf vs Tabung Dana Pembinaan Masjid di Brunei Darussalam. Dalam: *Prosiding Persidangan Antarabangsa kali ke-4 mengenai Masjid, Zakat dan Pengurusan Wakaf*. Bangi Selangor, Malaysia, Mac 2017.

Dr. Kamaru Salam, Dr. Abd Nasir dan Dr. Fadzliwati. 2015. Inovasi Wakaf; Pandangan Ulama dan Peluang Pelaksanaan Di Negara Brunei Darussalam. Dalam: *Seminar Muktamar Wakaf IQLIMI 2 2015*. USIM, Malaysia, 26-27 Ogos 2015.

Dr. Hjh. Rose Abdullah. 2014. The Model of Cash Waqf Based Islamic Models in Islamic Microfinance. Dalam: *Thematic Workshop on Business Models in Islamic Microfinance*. International Islamic University of Islamabad Pakistan, 6-7 Mei 2014.

Jefri Putri Nugraha. 2016. Sistem Muzara'ah Sebagai Alternatif Pembiayaan Pertanian di Indonesia. *Jurnal Ekonomi Syariah*. 1(2): 81-103.

M. Nashiruddin al-Albani. 2005. *Ringkasan Shahih Muslim*. Jakarta: Gema Insani Press.

Mohd. Hafiz, Wan Azmi, Mohd. Muzakkir & Norhasimah. 2014. Implementasi Kontrak Musaqah Untuk Pembangunan Tanah Wakaf Terbiar Dalam Menjana Ekonomi Sektor Pertanian Di Malaysia. Dalam: *Seminar Waqf Iqlimi*. USIM, Malaysia, 29 April 2014.

Mohd Usoff Zakaria. 2015. Pembiayaan Kenderaan Berkonsepkan Al-Ijarah Thumma Al-Bay' (AITAB) Di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Isu-Isu Berkaitan. *Jurnal Syariah*. 23(3): 435-476.

Muhammad Buchari Sibuea. 2009. Wakaf Dalam Perspektif Pembangunan Pertanian Berkelanjutan. Dalam: *Seminar Antarabangsa ISDEV kali ke-2*. US, Malaysia, 8 Mei 2009.

Nur Haziyah binti Haji Abdul Halim. 2017. *Potential of Waqf in Enhancing Brunei Darussalam's Economy*. K.Tes Sarjana Muda Ekonomi dan Kewangan Islam. Negara Brunei Darussalam: Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Republika: Wakaf Produktif Pertanian Sejahterakan Petani Subang. Bertarikh 26 Oktober 2017. Dimuat turun dari laman sesawang: [www.republika.co.id/berita/dunia-islam/wakaf/17/10/26/oyfmmj396-wakaf-produktif-pertanian-sejahterakan-petani-subang](http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/wakaf/17/10/26/oyfmmj396-wakaf-produktif-pertanian-sejahterakan-petani-subang) pada 20 Julai 2019.

Sinar Harian: *Tanam Musing King Atas Tanah Wakaf*. Bertarikh 26 Ogos 2019. Dimuat turun dari laman sesawang: [www.sinarharian.com.my/article/44754/BERITA/Nasional/Tanam-Musang-King-atas-tanah-wakaf](http://www.sinarharian.com.my/article/44754/BERITA/Nasional/Tanam-Musang-King-atas-tanah-wakaf) pada 27 September 2019.

Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif & Nor Aini Ali. (2009). *Konsep Dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari Di Malaysia: Saham Wakaf Dan Wakaf Saham*. Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 di Balai Ilmu, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 10-11 Februari 2009.

Wahbah Al-Zuhaili. 2011. *Fiqh Islam Wa Adilatuhu*. Jakarta: Gema Insani.